

Headline	MPS tambah laluan bas percuma		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	03 Mar 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	19	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	102 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,004
Frequency	Weekly	PR Value	RM 3,013



MPS tambah laluan bas percuma

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) menambah satu lagi laluan baharu perkhidmatan Bas Smart Selangor iaitu MPS4 Wangsa Permai-Hentian Stadium Selayang.



Bas itu melalui Bandar Baru Selayang, Hospital Selayang, Selayang Mall, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Taman Ehsan, Aman Puri dan Wangsa Permai.

Pengarah Jabatan Korporatnya Mohamad Zin Masoad berkata perkhidmatan percuma itu beroperasi sejak 1 Januari dari jam 6 pagi hingga 10 malam.

"Diharapkan juga masyarakat menggunakan kemudahan awam dengan sebaik-baiknya," katanya.

Beliau turut mengingatkan pengguna supaya mematuhi tatacara operasi piawai bagi mencegah penularan Covid-19 dengan mengamal penjarakan fizikal dan memakai pelitup muka.